

Headline	Kerang-kerangan masih beracun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	19	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	297 cm <sup>2</sup>
Journalist	YATIMIN ABDULLAH	AdValue	RM 7,708
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,124



# Jangan makan loker di Sungai Geting kerana bertoksin tinggi Kerang-kerangan masih beracun

Oleh YATIMIN ABDULLAH

**T**UMPAT - Larangan memakan kerang-kerangan yang ditangkap di sekitar Sungai Geting di sini terus dikuatkuasakan ekoran kajian terbaharu mendapati kandungan Saxitoxin iaitu sejenis toksin di keluarkan oleh alga spesies Alexandrium minutum masih lagi tinggi dalam hidupan itu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Datuk Ahmad Razin Ahmad Mahir berkata, kajian yang dilakukan oleh Stesen Penyelidikan Marin Bachok, Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES), Universiti Malaya (UM) mendapati, kandungan Saxitoxin dalam sampel loker itu sekitar 1,000 hingga 3,000 mikrogram.

Menurutnya, kandungan itu

lebih tinggi daripada tahap yang selamat dan dibenarkan iaitu kurang daripada 80 mikrogram.

"Notis larangan yang dikeluarkan pada 31 Ogos lalu akan terus dikuatkuasakan sehingga kawasan perairan Sungai Geting disahkan bebas daripada ledakan ombak merah yang menjadi punca kepada masalah tersebut.

"Jadi kita nasihatkan penduduk di kawasan sekitar supaya tidak lagi mencari hidupan berkenaan mahupun menggunakan air Sungai Geting sehingga ia disahkan bersih dan selamat oleh pihak berwajib," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu Ahmad Razin ber-



KERATAN Kosmo! 2 September 2015.

sama Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Mohd. Zain Saad dan Felo IOES UM, Dr. Leaw Chui Pin meninjau kawasan Sungai Geting.

Kosmo! pada 2 September lalu melaporkan, Jabatan Perikanan Kelantan melarang orang ramai daripada mengutip dan memakan kerang serta tiram dari kawasan sekitar Sungai Geting selepas dipercayai tercemar dengan bahan beracun Plankton Alexandrium yang boleh men-



AHMAD RAZIN (kiri) menunjukkan kandungan Saxitoxin iaitu sejenis toksin dikeluarkan oleh alga spesies Alexandrium minutum dalam kandungan air Sungai Geting, Tumpat semalam.

gakibatkan kematian.

Ahmad Razin memberitahu, hasil pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan, Jabatan Kesihatan serta IOES, UM mendapati, hanya kerang-

kerangan di Sungai Geting sahaja dicemari oleh toksin berkenaan dan kerang-kerangan di luar kawasan Sungai Geting selamat untuk dimakan dan bebas daripada pencemaran.